



KENYATAAN MEDIA
SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU)

22 Januari 2024

**PELARASAN TARIF AIR SEMENANJUNG MALAYSIA
BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

KUALA TERENGGANU - Susulan pengumuman pelarasan tarif air di seluruh Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang akan bermula pada 1 Februari 2024, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bermesyuarat dan telah mengambil beberapa ketetapan.

Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) sebagai penyedia perkhidmatan bekalan air terawat di Terengganu, kepada lebih 1.2 juta rakyat yang meliputi 342,364 akaun termasuk pengguna domestik serta bukan domestik yang merangkumi perusahaan kecil dan sederhana sehingga kepada pengguna industri.

Berdasarkan pengumuman oleh SPAN, pelarasan tarif air di negeri Terengganu termasuk pelarasan tarif bekalan air pengguna domestik dan caj elektrik sebanyak 8 sen per meter padu kepada semua kategori pengguna domestik dan bukan domestik adalah seperti berikut :



KENYATAAN MEDIA
SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU)

1.0 Kategori Domestik

Pertama, caj minimum bagi pengguna domestik akan beralih daripada RM4.00 kepada RM 5.80.

1.1 Penggunaan Air sehingga 20 meter padu

Bagi isi rumah yang menggunakan air sehingga 20 meter padu, kadar caj bagi setiap meter padu akan beralih dari 42 sen per meter padu kepada 58 sen per meter padu termasuk caj elektrik.

Ini bermaksud bagi rumah yang menggunakan air 20 meter padu setiap bulan, caj baharu akan meningkat sebanyak RM 3.20 sebulan atau 10.7 sen sehari.

1.2 Penggunaan Air 20 meter padu hingga 35 meter padu

Kadar caj baharu bagi kategori ini akan beralih dari 65 sen per meter padu kepada 83 sen per meter padu. Hal ini bermaksud, peningkatan keseluruhan bagi rumah yang menggunakan air 35 meter padu adalah sebanyak RM5.90 sebulan atau 20 sen sehari.

1.3 Penggunaan Air Lebih 35 meter padu

Manakala bagi penggunaan air yang melebihi 35 meter padu, kadar caj baharu adalah RM1.08 termasuk 8 sen caj elektrik bagi setiap meter padu berbanding kadar lama iaitu RM1.00.

1.4 Domestik Pukal

Untuk kategori domestik pukal pula, caj minimum secara pukal akan berubah kepada RM10.80 sebulan dan caj baharu beralih sebanyak 8 sen kepada RM1.08 bagi penggunaan setiap meter padu air.



KENYATAAN MEDIA
SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU)

2.0 Kategori Bukan Domestik & Kategori Khas

2.1 Bukan Domestik

Perusahaan komersial serta bangunan bukan domestik lain akan melihat peralihan kadar baharu kepada RM1.08 bagi penggunaan air sehingga 35 meter padu, manakala penggunaan lebih daripada 35 meter padu dikenakan caj RM1.48 bagi setiap meter padu.

2.2 Kategori Khas

Kategori khas termasuklah Surau dan Masjid, Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan serta Perkapalan akan bertambah kepada 8 sen bagi setiap meter padu mengikut kadar sedia ada.

3.0 Subsidi Air Percuma 20 Meter Padu dan Masjid Surau

Program subsidi air percuma 20 meter padu oleh SATU akan diteruskan kepada golongan B40 yang layak termasuk masjid dan surau mengikut ketetapan Kerajaan Negeri. Perkara ini melibatkan 13,715 akaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.5 juta setahun.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menerusi SATU menggalakkan pengguna B40 yang layak untuk memohon bantuan 20 meter padu percuma.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU)